TNG eWallet	perkhidmatan dompet elektronik yang disediakan oleh TNG Digital melalui aplikasi mudah alihnya, yang membolehkan anda melaksanakan Transaksi serta mengakses ciri dan perkhidmatan berkaitan melalui akaun yang dikendalikan dalam TNG eWallet (" Akaun TNG eWallet "), tertakluk kepada terma dan syarat yang berkenaan;
Touch 'n Go, kami or pihak kami	Touch 'n Go Sdn Bhd [No. Pendaftaran: 199601034048 (406400-X)], having its business address at yang mempunyai alamat perniagaan di Tingkat 6, Menara 6, Avenue 5, No. 8, Jalan Kerinchi, Bangsar South, 59200 Kuala Lumpur, Malaysia;
Kad Klasik Touch 'n Go	kad pintar yang dilengkapi dengan teknologi cip proprietari (" <i>proprietary</i> ") Touch 'n Go, yang menggabungkan fungsi e-wang dan keupayaan transaksi tanpa sentuh (" <i>contactless</i> "). Anda boleh menggunakan Kad Klasik Touch 'n Go untuk melaksanakan transaksi Pembayaran

dan Tambah Nilai menggunakan Nilai Monetari yang disimpan, tertakluk kepada Terma dan Syarat ini;

Portal e-Bayaran Balik	platform bayaran balik dalam talian pada Portal Pengguna Touch 'n Go yang boleh diakses di https://customerservice.touchngo.com.my/erefund/ , di mana anda boleh mengemukakan permohonan bayaran balik bagi Produk yang didaftarkan, tertakluk kepada Terma dan Syarat ini;
Laman Web Touch 'n Go	laman web rasmi Touch 'n Go yang boleh diakses di http://www.touchngo.com.my ;
Portal Pengguna Touch 'n Go	portal dalam talian yang disediakan oleh Touch 'n Go yang menyepadukan maklumat berkaitan Produk anda dan akaun TNG eWallet melalui satu log masuk tunggal (" <i>single sign-on</i> ") yang diaktifkan menggunakan sebarang butiran pengenalan, token, peranti atau kaedah pengesahan yang mungkin dikeluarkan oleh Touch 'n Go dan/atau TNG Digital dari semasa ke semasa, tertakluk kepada terma dan syarat yang berkenaan. Portal ini boleh diakses di pautan https://eportal.touchngo.com.my/login ;
Transaksi	sebarang transaksi Pembayaran dan/atau Tambah Nilai yang dilaksanakan menggunakan Produk di mana-mana Peniaga dan/atau Cawangan Penyertaan;
anda atau milik anda	individu yang menggunakan Produk sama ada sebagai pengguna berdaftar atau tidak berdaftar, dan jika berkenaan, termasuk ibu bapa atau penjaga sah sekiranya pengguna tersebut adalah di bawah umur.

2. TAFSIRAN

- a. Perkataan dalam bentuk tunggal hendaklah merangkumi juga bentuk jamak dan sebaliknya; dan perkataan yang merujuk kepada mana-mana jantina hendaklah merangkumi semua jantina.
- b. Rujukan kepada hari bermaksud hari kalendar kecuali jika dinyatakan sebagai hari bekerja.
- c. Tajuk kecil disediakan untuk kemudahan rujukan sahaja dan tidak akan menjejaskan tafsiran terhadap Terma dan Syarat ini.
- d. Rujukan kepada mana-mana klausa dalam Terma dan Syarat adalah merujuk kepada Terma dan Syarat ini melainkan dinyatakan sebaliknya.

- e. Rujukan kepada “bayar” termasuk pembayaran yang dibuat secara tunai atau melalui pemindahan antara bank dengan segera untuk dana yang tersedia. Rujukan kepada “Ringgit”, “RM” dan “sen” bermaksud mata wang yang sah di Malaysia.

3. TERMA DAN SYARAT YANG MENGAWAL

- a. Terma dan Syarat ini mengawal penggunaan Produk dan Perkhidmatan yang berkaitan.
- b. Anda mengakui bahawa anda telah membaca dan memahami sepenuhnya Terma dan Syarat ini sebelum membeli, menggunakan dan/atau meneruskan penggunaan Produk.
- c. Dengan membeli, menggunakan dan/atau meneruskan penggunaan Produk serta Perkhidmatan yang berkaitan dengannya, anda bersetuju, mengakui dan menerima tanpa syarat Terma dan Syarat ini, sebagaimana yang boleh dipinda oleh kami dari semasa ke semasa selaras dengan Terma dan Syarat ini. Sekiranya anda tidak bersetuju dengan Terma dan Syarat ini, anda tidak seharusnya meneruskan penggunaan Produk serta Perkhidmatan berkaitan dengannya.
- d. Terma dan Syarat ini hendaklah dibaca bersama dengan terma dan syarat khusus yang mengawal penggunaan Produk dan Perkhidmatan berkaitan dengannya termasuk tetapi tidak terhad kepada [Touch 'n Go Privacy Notice](#) yang boleh diakses melalui Laman Web Touch 'n Go, yang mengawal pemprosesan Data Peribadi. Sekiranya berlaku sebarang percanggahan atau ketidakselarasan antara dokumen-dokumen tersebut, melainkan dinyatakan sebaliknya, peruntukan dalam terma dan syarat khusus tersebut hendaklah diguna pakai bagi peruntukan yang bercanggah atau tidak selaras itu.

4. PERNYATAAN DAN JAMINAN

- a. Anda dengan ini menyatakan, menjamin dan mengesahkan bahawa:
 - i. anda mempunyai keupayaan dan kuasa di bawah undang-undang untuk bersetuju dengan Terma dan Syarat ini;
 - ii. kemasukan dan pelaksanaan anda di bawah Terma dan Syarat ini tidak dan tidak akan bercanggah dengan mana-mana perjanjian atau obligasi lain yang mengikat anda;
 - iii. penggunaan Produk dan Perkhidmatan yang berkaitan oleh anda tidak akan melanggar sebarang Undang-Undang yang Terpakai dan hak pihak ketiga; dan
 - iv. semua dokumen dan maklumat yang telah dan akan anda kemukakan kepada kami adalah benar, tepat, lengkap dan terkini, serta anda berjanji untuk memaklumkan kami secara bertulis sekiranya terdapat sebarang perubahan. Untuk mengelakkan sebarang keraguan, kami berhak untuk bergantung kepada butiran tersebut. Kami tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kesilapan atau peninggalan maklumat yang dibuat oleh anda berhubung dengan Terma dan Syarat ini.

- b. Pengguna Bawah Umur: Sekiranya anda berumur di bawah 18 tahun:
- i. anda mesti mendapatkan kebenaran daripada ibu bapa atau penjaga sah anda sebelum menggunakan Produk.
 - ii. ibu bapa atau penjaga sah anda mesti melengkapkan pendaftaran akaun dan menerima Terma dan Syarat ini bagi pihak anda.
 - iii. ibu bapa atau penjaga sah anda akan bertanggungjawab secara bersama atas semua Transaksi dan obligasi yang dikenakan ke atas anda di bawah Terma dan Syarat ini.
 - iv. ibu bapa atau penjaga sah anda berhak mengakses sejarah Transaksi serta kawalan akaun anda.
 - v. penutupan akaun anda akan memerlukan persetujuan daripada ibu bapa atau penjaga sah anda.

5. PENDAFTARAN

- a. Pendaftaran: Anda digalakkan untuk mendaftarkan Produk anda melalui TNG eWallet atau Portal Pengguna Touch 'n Go. Pendaftaran membantu melindungi Produk anda dari penyalahgunaan dan memudahkan proses bayaran balik sekiranya Produk berdaftar tersebut ditamatkan. Kegagalan untuk mendaftarkan Produk boleh mengakibatkan Touch 'n Go menafikan liabiliti, setakat yang dibenarkan oleh Undang-Undang yang Terpakai, terhadap sebarang kos, kerosakan, kerugian atau perbelanjaan yang ditanggung akibat daripada kegagalan tersebut.
- b. Maklumat Tepat dan Lengkap: Apabila mendaftarkan Produk anda, anda hendaklah memastikan semua maklumat yang diberikan adalah benar, tepat, lengkap dan terkini. Anda bertanggungjawab untuk memaklumkan Touch 'n Go sekiranya terdapat sebarang perubahan. Sebarang kemas kini terhadap maklumat anda termasuk Data Peribadi yang dikemukakan boleh dibuat dengan menghubungi Talian Khidmat Pelanggan kami di 03-2714 8888.
- c. Saluran Pendaftaran: Anda boleh mendaftarkan Produk anda dengan memasukkan nombor siri Produk yang terdapat di bahagian belakang Produk melalui mana-mana saluran berikut:
- i. Portal Pengguna Touch 'n Go
 - Kaedah 1: Anda boleh menambah Produk dengan memasukkan nombor siri Produk. Nombor siri tersebut boleh didapati di bahagian belakang Produk atau pada mana-mana resit Tambah Nilai bagi Produk tersebut.
 - Kaedah 2: Sekiranya anda telah melaksanakan Pautan Akaun, mana-mana Produk yang dipautkan kepada TNG eWallet anda akan dipautkan secara automatik kepada akaun Portal Pengguna Touch 'n Go anda dan sebaliknya.

- ii. TNG eWallet: Anda boleh menambah Produk kepada Akaun TNG eWallet anda dengan memasukkan nombor siri Produk anda.

6. HARGA, FI DAN CAJ

- a. Harga bagi Produk, bersama dengan fi dan caj yang berkenaan, dinyatakan dalam helaian pendedahan produk yang berkaitan dan boleh didapati di Laman Web Touch 'n Go.
- b. Perubahan Fi: Touch 'n Go berhak untuk meminda fi dan caj yang berkenaan ke atas Produk dan/atau Perkhidmatan dari semasa ke semasa dengan memberikan anda notis awal sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari. Fi dan caj yang dikemas kini akan diterbitkan di Laman Web Touch 'n Go.
- c. Touch 'n Go tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang fi, caj atau surcaj yang dikenakan oleh pihak ketiga, termasuk tetapi tidak terhad kepada mana-mana bank, Peniaga, Cawangan Penyertaan atau Pihak Berkuasa, berhubung dengan penggunaan Produk oleh anda.
- d. Produk Dorman (terpakai bagi Kad Klasik Touch 'n Go sahaja):
 - i. Kad Klasik Touch 'n Go yang tidak dipautkan kepada Akaun TNG eWallet akan dianggap sebagai Produk Dorman sekiranya tiada Transaksi dibuat selama dua belas (12) bulan berturut-turut, atau bagi tempoh lain yang mungkin ditetapkan oleh Touch 'n Go. Produk Dorman tidak boleh digunakan lagi dan anda boleh memohon bayaran balik bagi Nilai Monetari yang belum digunakan selaras dengan Klausula 14 (Polisi Pembayaran Balik).
 - ii. Fi Dorman akan ditolak daripada Nilai Monetari yang belum digunakan mengikut kaedah berikut:
 - A. Lima Ringgit Malaysia (RM5) akan ditolak apabila Produk menjadi Produk Dorman;
 - B. Bagi setiap tempoh enam (6) bulan berikutnya tanpa aktiviti, tambahan Lima Ringgit Malaysia (RM5) akan ditolak sehingga kehabisan Nilai Monetari tersebut.
 - iii. Bagi mengelakkan potongan Fi Dorman, anda digalakkan untuk memautkan Kad Klasik Touch 'n Go anda kepada Akaun TNG eWallet dan/atau menggunakannya sekurang-kurangnya sekali dalam setiap tempoh dua belas (12) bulan berturut-turut.
- e. Wang Tidak Dituntut
 - i. Sekiranya baki Nilai Monetari anda (selepas ditolak fi dan caj yang berkenaan) tidak dibayar balik atau dituntut dalam tempoh tujuh (7) tahun dari tarikh luput Produk anda, ia akan diuruskan mengikut peruntukan di bawah Akta Wang Tidak Dituntut 1965.

- ii. Selepas tempoh tersebut, sekiranya anda telah mendaftarkan Produk mengikut Klausula 5 (Pendaftaran), anda boleh menuntut kembali wang tidak dituntut anda daripada Pendaftar Wang Tak Dituntut. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk laman web rasmi Jabatan Akauntan Negara Malaysia di <https://egumis.anm.gov.my/>.

7. CUKAI

- a. **“Cukai”** bermaksud sebarang caj yang dikenakan di bawah Undang-Undang yang Terpakai, termasuk tetapi tidak terhad kepada cukai jualan dan perkhidmatan, cukai nilai tambah, cukai barangan dan perkhidmatan, cukai penggunaan, cukai pegangan, duti setem atau sebarang cukai lain yang serupa, sama ada sedang dikuatkuasakan atau akan diperkenalkan pada masa hadapan.
- b. Semua harga, fi dan caj yang dinyatakan dalam helaian pendedahan produk yang berkaitan dengan Produk adalah tertakluk kepada sebarang Cukai yang dikenakan oleh Kerajaan Malaysia atau Pihak Berkuasa yang berkenaan. Anda bertanggungjawab untuk membayar semua Cukai tersebut, sama ada dikenakan secara langsung atau tidak langsung mengikut Undang-Undang yang Terpakai.
- c. Kecuali dinyatakan sebaliknya secara jelas, semua fi, caj atau jumlah lain yang perlu dibayar di bawah atau berkaitan dengan Terma dan Syarat ini adalah tidak termasuk sebarang Cukai.

8. NILAI PRODUK DAN TAMBAH NILAI

- a. Jumlah maksimum Nilai Monetari yang boleh disimpan dalam sesuatu Produk pada suatu masa adalah Satu Ribu dan Lima Ratus Ringgit Malaysia (RM1,500.00) sahaja.
- b. Saluran Tambah Nilai: Anda boleh menambah nilai Produk anda melalui saluran sah berikut:
 - i. TNG eWallet (terpakai hanya bagi Kad Touch ‘n Go yang Dipertingkatkan dan Charm, dengan syarat aplikasi TNG eWallet dipasang pada peranti mudah alih boleh guna NFC).
 - ii. Pusat Perkhidmatan dan Jualan.
 - iii. Kaunter Tambah Nilai Touch ‘n Go di Peniaga dan Cawangan Penyertaan terpilih.
 - iv. Kios Layan Diri Touch ‘n Go.

Senarai saluran Tambah Nilai yang dibenarkan boleh dikemas kini dari semasa ke semasa dan akan diterbitkan di Laman Web Touch ‘n Go.

- c. Fi Perkhidmatan Tambah Nilai: Peniaga dan Cawangan Penyertaan terpilih boleh mengenakan fi perkhidmatan bagi setiap Transaksi Tambah Nilai.

- d. Fungsi Auto Tambah Nilai: Nilai Monetari juga boleh ditambah secara automatik melalui fungsi auto tambah nilai yang disediakan melalui Kad Touch 'n Go Zing yang dikeluarkan oleh institusi kewangan penyertaan di Malaysia.
- e. Tambah Nilai melalui TNG eWallet: Untuk menambah nilai Kad Touch 'n Go yang Dipertingkatkan atau Charm anda melalui TNG eWallet, anda dikehendaki untuk mendaftarkan Produk tersebut kepada Akaun TNG eWallet anda dan melengkapkan proses pengesahan identiti e-KetahuiPegguna-Anda ("e-Know-Your-Consumer" atau eKYC).
- f. Tambah Nilai Tidak Sah: Touch 'n Go berhak untuk menggantung atau menamatkan penggunaan Produk dan Perkhidmatan, dan menolak sebarang permohonan bayaran balik bagi Nilai Monetari sekiranya Tambah Nilai dilakukan melalui saluran Tambah Nilai yang tidak sah.

9. PENGESAHAN, JAMINAN DAN PENGGANTIAN PRODUK

- a. Tempoh Sah: Kecuali dinyatakan sebaliknya atau digantung dan/atau ditamatkan dengan nyata mengikut Terma dan Syarat ini, setiap Produk adalah sah dan diaktifkan untuk digunakan pada masa pembelian. Tempoh sah bagi setiap Produk hendaklah dikira dari tarikh ia dikeluarkan untuk digunakan dan akan kekal sah sekurang-kurangnya bagi tempoh berikut:

- i. Kad Touch 'n Go Klasik: sepuluh (10) tahun;
- ii. Kad Touch 'n Go Yang Dipertingkatkan: tujuh (7) tahun; dan
- iii. Charm: tujuh (7) tahun.

Tarikh luput Produk boleh didapati pada Produk fizikal atau dalam aplikasi TNG eWallet, dengan syarat Produk tersebut telah berjaya dipautkan. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara kedua-dua sumber, tarikh luput yang dipaparkan dalam aplikasi TNG eWallet hendaklah dianggap tepat dan terpakai.

- b. Produk Tamat Tempoh: Apabila luput, Produk tidak lagi boleh digunakan untuk sebarang Transaksi. Anda boleh memohon bayaran balik bagi baki Nilai Monetari dalam Produk yang telah luput selaras dengan Klausa 14 (Dasar Bayaran Balik).
- c. Jaminan dan Penggantian Produk
 - i. Touch 'n Go menjamin kefungsian mana-mana Produk selama tiga puluh (30) hari dari tarikh pembelian ("**Tempoh Jaminan**").
 - ii. Jika Produk didapati rosak dalam Tempoh Jaminan, ia akan digantikan tanpa sebarang kos tambahan. Sekiranya Produk rosak tersebut merupakan edisi terhad dan tidak lagi tersedia, Touch 'n Go akan menggantikannya dengan Produk lain yang mempunyai nilai serupa.

- iii. Untuk memohon penggantian bagi Produk yang rosak dalam Tempoh Jaminan, anda hendaklah membawa Produk tersebut ke Pusat Perkhidmatan dan Jualan kami.
- iv. Penggantian disebabkan kerosakan Produk selepas Tempoh Jaminan akan berdasarkan kos and perbelanjaan anda sendiri.
- v. Pembayaran Balik: Jika Nilai Monetari pada Produk yang rosak dapat disahkan, anda boleh memohon bayaran balik selaras dengan Klausa 14 (Dasar Bayaran Balik).
- vi. Untuk mengelakkan sebarang keraguan, Touch 'n Go tidak bertanggungjawab untuk menggantikan atau memberi pampasan bagi sebarang Produk yang hilang, dicuri, rosak, digandakan atau digodam, atau bagi sebarang kerugian, kerosakan atau kos yang timbul akibat penggunaan yang menyalahi undang-undang atau tidak dibenarkan.

10. SYARAT PENGGUNAAN

- a. Sekatan Penggunaan: Penggunaan anda terhadap Produk dan/atau Perkhidmatan yang berkaitan tertakluk kepada perkara berikut:
 - i. anda bertanggungjawab sepenuhnya atas segala penggunaan Produk dan semua aktiviti yang dijalankan melaluinya;
 - ii. anda hendaklah menggunakan Produk dan/atau Perkhidmatan berkaitan selaras dengan Terma dan Syarat ini;
 - iii. anda hendaklah mematuhi Undang-Undang yang Terpakai dan sebarang notis, arahan atau garis panduan yang dikeluarkan oleh Touch 'n Go dari semasa ke semasa;
 - iv. anda tidak boleh menggunakan Produk atau Perkhidmatan bagi tujuan yang menyalahi undang-undang atau penipuan;
 - v. anda tidak boleh mengubah suai, mereka bentuk semula, menyahkompilasi, menggodam, menggandakan, menyalin atau merosakkan Produk, serta tidak boleh melakukan apa-apa aktiviti yang menjejaskan keselamatan, kefungsiian atau integritinya; dan
 - vi. Touch 'n Go berhak untuk menggantung atau menamatkan Produk dan/atau Perkhidmatan berkaitan pada bila-bila masa, dan dengan pemberitahuan jika dikehendaki oleh Undang-undang Terpakai.
- b. Transaksi Sah
 - i. Anda boleh menggunakan Produk untuk sebarang Transaksi Pembayaran atau Tambah Nilai di mana-mana Peniaga atau Cawangan Penyertaan, tertakluk kepada baki Nilai Monetari yang tersedia dalam Produk anda.

- ii. Touch 'n Go akan mengiktiraf semua Transaksi yang berjaya dilakukan menggunakan Produk yang sah, dengan syarat Produk tersebut dikemukakan kepada Peniaga pada masa Transaksi.
 - iii. Touch 'n Go tidak akan bertanggungjawab atas sebarang transaksi yang tidak berjaya, melainkan jika transaksi tersebut berpunca daripada kegagalan kami untuk melaksanakan langkah keselamatan yang munasabah atau akibat kecuaiian melampau, penipuan, atau salah laku sengaja oleh kami.
 - iv. Jika anda percaya bahawa sesuatu transaksi telah dilakukan tanpa kebenaran atau terdapat kesilapan, sila hubungi Touch 'n Go dengan segera. Kami komited untuk menyiasat dan menyelesaikan perkara tersebut secara adil dan mengikut Undang-Undang yang Terpakai.
- c. Keperluan Masuk dan Keluar
- i. Produk boleh digunakan di semua Peniaga, termasuk tetapi tidak terhad kepada operasi tol, transit dan tempat letak kereta seperti yang ditetapkan oleh Touch 'n Go.
 - ii. Sekiranya Produk digunakan di pintu masuk untuk mengakses premis Peniaga, Produk yang sama mesti digunakan di pintu keluar. Penggunaan Produk yang berbeza boleh menyebabkan caj tambahan dikenakan oleh Peniaga.
- d. PayDirect
- i. Produk yang diaktifkan dengan ciri PayDirect tidak akan diklasifikasikan sebagai Produk Dorman dan oleh itu tidak akan dikenakan Fi Dorman.
 - ii. Anda boleh memautkan Produk anda ke Akaun TNG eWallet anda untuk melihat Nilai Monetari dan menggunakan ciri PayDirect, tertakluk kepada terma dan syarat yang berkenaan. Produk yang digantung atau ditamatkan tidak boleh dipautkan.
 - iii. Ciri PayDirect membolehkan Pembayaran dibuat menggunakan Produk anda melalui baki dalam Akaun TNG eWallet anda. Jika baki dalam Akaun TNG eWallet anda tidak mencukupi, jumlah Transaksi akan ditolak daripada Nilai Monetari Produk anda.
 - iv. Bayaran balik bagi Transaksi yang dibuat menggunakan Nilai Monetari dikawal oleh Terma dan Syarat ini, manakala bayaran balik bagi Transaksi yang dibuat menggunakan baki Akaun TNG eWallet tertakluk kepada terma dan syarat TNG eWallet.
 - v. Jika Produk anda hilang atau dicuri, anda boleh nyahpaut Produk tersebut. Setelah dinyahpaut, Produk yang hilang atau dicuri tidak boleh digunakan untuk mengakses baki Akaun TNG eWallet anda.

- vi. Anda boleh memohon sejarah Transaksi PayDirect (sehingga 90 hari) untuk dihantar ke alamat e-mel pilihan anda.

e. Liabiliti Peniaga

- i. Touch 'n Go tidak akan bertanggungjawab atas sebarang tindakan, peninggalan dan/atau keengganan oleh mana-mana Peniaga, termasuk keengganan menerima Produk, atau sebarang kecacatan atau kekurangan dalam barangan atau perkhidmatan yang dibayar menggunakan Produk. Walau bagaimanapun, Touch 'n Go akan mengambil langkah munasabah dalam memilih dan mengekalkan hubungan dengan Peniaga.
- ii. Sebarang pertikaian atau isu yang timbul daripada tindakan Peniaga hendaklah diselesaikan secara langsung antara anda dan Peniaga tersebut. Walau bagaimanapun, anda boleh mengemukakan aduan kepada Touch 'n Go dalam kes yang melibatkan kerugian atau kesan kewangan yang berpunca daripada kecuaiian melampau, penipuan, atau salah laku sengaja oleh Touch 'n Go.

11. PRODUK HILANG ATAU DICURI

- a. Anda hendaklah mengambil langkah berjaga-jaga yang munasabah untuk mengelakkan Produk daripada rosak secara fizikal, dicuri, digodam, digandakan, direka bentuk semula dan/atau digunakan tanpa kebenaran.
- b. Anda hendaklah segera memaklumkan kepada Touch 'n Go sebaik sahaja mendapati bahawa Produk anda telah hilang, dicuri, direka bentuk semula atau digunakan tanpa kebenaran.
- c. Touch 'n Go akan menggunakan usaha terbaik untuk menamatkan Produk yang terjejas setelah menerima laporan anda, yang boleh dibuat melalui mana-mana saluran sah berikut:
 - i. panggilan telefon ke Talian Khidmat Pelanggan Touch 'n Go di 603-2714 8888 (Isnin hingga Jumaat: 8.00 pagi hingga 8.00 malam);
 - ii. notis bertulis yang dikemukakan secara serahan tangan, pos, e-mel, melalui e-Refund Portal di Touch 'n Go Consumer Portal, atau melalui saluran rasmi Touch 'n Go; atau
 - iii. melaporkan secara bersemuka di mana-mana Pusat Penjualan dan Perkhidmatan.

Sebagai alternatif, anda boleh memulakan penamatan Produk dengan mengemukakan permohonan bayaran balik melalui Portal Bayaran Balik di Touch 'n Go Portal Pengguna.

- d. Touch 'n Go tidak akan bertanggungjawab atas sebarang Transaksi tanpa kebenaran yang dilakukan ke atas Produk sebelum penamatan Produk tersebut mengikut Klausula 11 (c).

- e. Touch 'n Go akan membayar balik Nilai Monetari yang masih berbaki (selepas ditolak sebarang fi yang berkenaan) setelah menerima laporan anda mengikut Klausula 11(c), dengan syarat semua maklumat dan dokumen yang dikemukakan adalah lengkap dan tepat.

12. PENGGANTUNGAN ATAU PENAMATAN

- a. Touch 'n Go boleh menggantung atau menamatkan Produk dan/atau Perkhidmatan berkaitannya serta-merta sekiranya:
 - i. anda melanggar mana-mana peruntukan dalam Terma dan Syarat ini;
 - ii. terdapat bukti munasabah bahawa tindakan anda boleh menyebabkan kerosakan atau gangguan terhadap Produk
 - iii. terdapat syak yang munasabah bahawa Produk digunakan bagi tujuan penipuan, menyalahi undang-undang atau tidak sah, termasuk tetapi tidak terhad kepada pelanggaran di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 atau Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001;
 - iv. perintah yang sah diterima daripada Pihak Berkuasa yang menghendaki penggantungan atau penamatan.
- b. Hak untuk Menggantung atau Menahan Nilai Monetari
 - i. Sekiranya berlaku penggantungan di bawah Klausula 12(a) atau apabila Touch 'n Go mengesan atau mempunyai syak yang munasabah terhadap sebarang aktiviti penipuan atau ketidakselarasan yang melibatkan Nilai Monetari, Touch 'n Go boleh menahan atau menyimpan mana-mana Nilai Monetari yang belum digunakan sehingga siasatan diselesaikan, selaras dengan Undang-Undang yang Terpakai dan garis panduan dalaman.
 - ii. Dalam tempoh ini, Touch 'n Go boleh mengehadkan sebarang bayaran balik atau Transaksi yang melibatkan Nilai Monetari yang terjejas. Untuk mengelakkan keraguan, Touch 'n Go tidak berkewajipan untuk mengiktiraf dan/atau membayar balik sebarang Nilai Monetari yang terjejas sekiranya tindakan sedemikian diperlukan untuk mematuhi Undang-Undang yang Terpakai.
- c. Kami akan menggantung Perkhidmatan, mengikut keadaan, dengan memberikan notis yang munasabah terlebih dahulu sebelum sebarang kerja penyelenggaraan, peningkatan dan/atau pengubahsuaian dilaksanakan terhadap Perkhidmatan tersebut.
- d. Penamatan Produk dan/atau Perkhidmatan berkaitannya tidak akan menjejaskan sebarang hak dan liabiliti di bawah Terma dan Syarat ini yang telah diperolehi sebelum tarikh penamatan berkuat kuasa.

13. GANGGUAN PERKHIDMATAN DAN PENYELENGGARAAN

- a. Touch 'n Go boleh, dari semasa ke semasa, menggantung sementara akses kepada Perkhidmatan bagi tujuan penyelenggaraan berjadual, peningkatan sistem atau bagi menyelesaikan isu-isu teknikal. Walaupun usaha yang munasabah akan diambil untuk memaklumkan anda terlebih dahulu mengenai sebarang penyelenggaraan yang dirancang, terdapat kemungkinan gangguan Perkhidmatan yang tidak dirancang akibat keadaan di luar kawalan kami. Ini termasuk, tetapi tidak terhad kepada, kegagalan sistem sepenuhnya, penyelenggaraan kecemasan, atau gangguan luaran yang disebabkan oleh faktor luar.
- b. Touch 'n Go tidak memberi jaminan atau waranti bahawa akses kepada Perkhidmatan akan sentiasa berterusan dan/atau tidak terganggu. Kami tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kerugian, kerosakan, kos atau perbelanjaan (sama ada secara langsung atau tidak langsung) yang timbul daripada atau berkaitan dengan ketidaktersediaan sementara, kelewatan, atau gangguan dalam akses kepada Perkhidmatan.
- c. Anda mengakui dan menerima bahawa gangguan sesekali merupakan aspek semula jadi dalam penyediaan perkhidmatan digital dan bersetuju bahawa akses kepada Perkhidmatan mungkin terjejas dari semasa ke semasa.

14. DASAR PEMBAYARAN BALIK

- a. Proses Am Pembayaran Balik: Anda boleh memohon pembayaran balik Nilai Wang daripada Produk berdaftar anda melalui mana-mana saluran berikut:
 - i. Talian Khidmat Pelanggan Touch 'n Go
 - ii. Portal Pengguna Touch 'n Go (melalui Portal e-Refund)
 - iii. Pusat Jualan & Perkhidmatan
 - iv. Akaun TNG eWallet
- b. Syarat Am
 - i. Pembayaran balik hanya boleh dibuat bagi Produk yang berdaftar dan mesti dikemukakan oleh pemilik berdaftar.
 - ii. Bayaran balik hanya boleh dikreditkan ke dalam sama ada:
 - A. akaun bank; atau
 - B. Akaun TNG eWallet yang telah disahkan,yang dimiliki oleh pemilik Produk berdaftar. Bagi pembayaran balik dalam mata wang asing, pembayaran akan dibuat melalui pindahan telegrafik ke akaun bank yang telah anda tetapkan. Sebarang fi dan caj bank yang berkaitan akan ditanggung oleh anda dan jumlah bayaran balik akan ditolak dengan caj yang terpakai.

- iii. Proses pembayaran balik akan dimulakan setelah maklumat dan dokumen sokongan yang lengkap diterima dan butiran peribadi sepadan dengan maklumat yang didaftarkan pada Produk dan akaun pembayaran, tertakluk kepada fi dan caj yang berkenaan.
- iv. Bagi Produk yang hilang atau dicuri, jumlah bayaran balik akan berdasarkan baki pada tarikh permohonan pembayaran balik diterima.
- v. Jika baki yang tinggal adalah RM500.00 atau lebih, anda perlu mengemukakan MyKad atau passport yang sah di Pusat Jualan & Perkhidmatan atau melalui Talian Khidmat Pelanggan untuk tujuan pengesahan. Touch 'n Go berhak untuk meminta maklumat dan/atau dokumen lanjut bagi tujuan pengesahan.
- vi. Status pembayaran balik boleh disemak melalui Portal Pengguna Touch 'n Go atau akan dimaklumkan melalui e-mel berdaftar atau SMS anda.
- vii. Jumlah bayaran balik akan dikreditkan ke dalam akaun bank atau Akaun TNG eWallet anda dalam tempoh tiga puluh (30) hari, dengan syarat semua dokumen yang diperlukan telah lengkap.
- viii. Bagi pembayaran balik Kad Zing, jumlah akan dikreditkan ke dalam kad kredit bank anda yang ditetapkan. Sila rujuk kepada pihak bank anda untuk terma dan syarat yang terpakai.

c. Mekanisme Pembayaran Balik Mengikut Saluran

- i. Portal Pengguna Touch 'n Go: Terbuka kepada pengguna yang telah mendaftarkan Produk mereka di Portal Pengguna Touch 'n Go, yang turut membolehkan pemantauan Transaksi, capaian e-penyata, kemas kini Data Peribadi, dan perlindungan baki.
- ii. Pusat Jualan dan Perkhidmatan: Anda perlu mengemukakan MyKad atau passport yang sah, bersama sebarang dokumen lain yang diperlukan oleh Touch 'n Go.
- iii. TNG eWallet: Bayaran balik hanya boleh dikreditkan ke dalam Akaun TNG eWallet yang telah disahkan dan dimiliki oleh pemilik Produk berdaftar.

d. Transaksi Dikenakan Caj Berlebihan

- i. Peruntukan ini terpakai bagi sebarang Transaksi di mana Peniaga mengenakan caj berlebihan bagi barangan dan/atau perkhidmatan yang dibayar menggunakan Produk. Permohonan pembayaran balik mesti dikemukakan dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh Transaksi dan tertakluk kepada pengesahan oleh Peniaga.

- ii. Bagi Transaksi di lebuhraya yang dikendalikan oleh PLUS Expressways Berhad ("PLUS"), permohonan pembayaran balik tertakluk kepada pengesahan oleh PLUS mengikut terma dan syaratnya. Setelah pengesahan berjaya dibuat, bayaran balik akan diproses dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh penerimaan permohonan pembayaran balik.

15. KOMUNIKASI DAN CARA UNTUK MENGHUBUNGI KAMI

- a. Touch 'n Go akan kemas kini produk, perkhidmatan dan operasinya secara konsisten dan tepat pada masanya bagi memastikan kesedaran awam melalui mana-mana kaedah berikut:
 - i. khidmat pesanan ringkas;
 - ii. mel elektronik;
 - iii. paparan notis di semua Pusat Jualan & Perkhidmatan kami; atau
 - iv. penerbitan di Laman Web Touch 'n Go dan/atau saluran media sosial rasmi,
- b. Anda boleh mengemukakan sebarang notis, permohonan atau komunikasi lain kepada:

Touch 'n Go Sdn Bhd

Tingkat 8, Menara 6
Avenue 5, Bangsar South
No. 8, Jalan Kerinchi
59200 Kuala Lumpur

Atau

Anda boleh hubungi kami melalui:

- Talian Khidmat Pelanggan Touch 'n Go di +603-2714 8888 (Isnin hingga Jumaat: 8.00 pagi hingga 8.00 malam)
- Borang eServices atau melalui Sokongan Chat (*Chat Support*) di <https://www.touchngo.com.my>

Atau lawat mana-mana Pusat Perkhidmatan & Jualan di:

Lokasi	Waktu Operasi
Pusat Perkhidmatan & Jualan Bangsar South Tingkat Bawah Menara 6 Avenue 5, Bangsar South No. 8, Jalan Kerinchi 59200 Kuala Lumpur	Isnin hingga Jumaat 9:00 pagi hingga 5:00 petang (Tutup pada Hari Kelepasan Am)

Pusat Perkhidmatan & Jualan NU Sentral Lot L2.07, Aras 2 Pusat Beli-Belah NU Sentral No. 201, Jalan Tun Sambanthan 50470 Kuala Lumpur	Isnin hingga Ahad 10.00 pagi hingga 10.00 malam (Termasuk Hari Kelepasan Am)
--	---

- c. Ketepatan dan kesempurnaan Data Peribadi anda bergantung kepada maklumat yang anda berikan. Touch 'n Go menganggap bahawa semua data yang dikemukakan adalah tepat, terkini dan lengkap melainkan dimaklumkan sebaliknya. Anda boleh mengemas kini Data Peribadi anda melalui mana-mana saluran yang dinyatakan di atas atau melalui Portal Pengguna Touch 'n Go.

16. HAD LIABILITI

- a. Kami tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian, kerosakan, kos atau perbelanjaan yang ditanggung atau dialami oleh anda berhubung dengan atau yang timbul daripada Produk dan/atau Perkhidmatan yang berkaitan, setakat mana kerugian tersebut berpunca daripada:

- tindakan, peninggalan, kelakuan, kesilapan, kecuaiian atau penipuan oleh anda;
- pelanggaran atau ketidakpatuhan anda terhadap Terma dan Syarat ini; atau
- pelanggaran oleh anda terhadap mana-mana Undang-Undang yang Terpakai;

dengan syarat bahawa pengecualian ini tidak akan terpakai bagi sebarang kerugian, kerosakan, kos atau perbelanjaan yang disebabkan oleh kecuaiian besar, penipuan, atau salah laku sengaja oleh Touch 'n Go, atau sebaliknya dilarang di bawah Undang-Undang yang Terpakai.

- b. Touch 'n Go dan pengarah, pegawai-pegawai, pekerja-pekerja, penasihat-penasihat dan/atau ejen-ejenjnya) tidak akan bertanggungjawab kepada anda atau mana-mana pihak ketiga yang dibenarkan oleh anda atau yang membuat tuntutan melalui anda atas sebarang kerugian atau kerosakan, sama ada tidak langsung, khas atau berbangkit, yang ditanggung oleh anda atau mana-mana pihak yang dibenarkan oleh anda, kecuali jika kerugian atau kerosakan tersebut disebabkan oleh kecuaiian, penipuan, atau salah laku sengaja oleh Touch 'n Go, yang berpunca daripada:

- penggunaan atau ketidakupayaan untuk menggunakan Produk oleh anda atau mana-mana pihak yang dibenarkan oleh anda;
- sebarang tindakan/peninggalan oleh kami, Lembaga Pengarah, pegawai-pegawai dan/atau pekerja-pekerja berhubung dengan Produk;
- sebarang kehilangan, penyelewengan atau kerosakan data yang timbul daripada penggunaan Produk;

- iv. sebarang capaian yang menyalahi undang-undang atau tanpa kebenaran terhadap data Produk anda; dan/atau
 - v. kegagalan atau kelewatan anda dalam memaklumkan kami mengenai sebarang perubahan kepada maklumat atau butiran Produk anda.
- c. Tanpa menjejaskan perkara di atas, sekiranya Touch 'n Go didapati bertanggungjawab kepada anda atas sebarang sebab sekalipun, liabiliti Touch 'n Go hendaklah dihadkan kepada Nilai Wang yang masih berbaki dalam Produk atau Lima Ratus Ringgit Malaysia (RM500.00), mengikut mana yang lebih rendah.

17. NOTIS PRIVASI

- a. Anda mengakui bahawa anda telah membaca dan memahami [Notis Privasi Touch 'n Go](#) yang boleh diakses melalui Laman Web Touch 'n Go, yang mengawal pemprosesan Data Peribadi anda selaras dengan Undang-Undang yang Terpakai termasuk Akta Perlindungan Data Peribadi 2010.
- b. Dengan memberikan Data Peribadi anda, anda memberi persetujuan kepada pengumpulan, penggunaan, pemprosesan, penyimpanan dan pendedahan data tersebut sebagaimana yang dinyatakan dalam Notis Privasi. Dimana Data Peribadi tersebut milik pihak ketiga, anda mewakili dan menjamin bahawa anda telah memperoleh kebenaran dan persetujuan daripada pihak ketiga tersebut untuk mendedahkan Data Peribadi mereka kepada Touch 'n Go, dan individu tersebut telah bersetuju untuk membenarkan Touch 'n Go memproses Data Peribadi mereka mengikut Notis Privasi.
- c. Apabila anda memberikan Data Peribadi anda secara sukarela kepada Touch 'n Go, atau apabila data tersebut tersedia secara umum dan munasabah untuk diperoleh di tempat atau acara awam, persetujuan anda akan dianggap sah dan tersirat.
- d. Touch 'n Go akan mengendalikan Data Peribadi anda sebagai maklumat sulit dan tidak akan mendedahkannya kepada mana-mana pihak ketiga tanpa persetujuan anda. Pendedahan kepada Pihak Ketiga hanya akan berlaku dengan persetujuan jelas anda, atau dimana diperlukan untuk peruntukan Perkhidmatan dan/atau Produk kepada anda.
- e. Tanpa menjejaskan perkara di atas, Touch 'n Go boleh menggunakan dan/atau mendedahkan Data Peribadi anda dalam keadaan berikut:
 - i. kepada Pihak Berkuasa bagi mematuhi keperluan di bawah Undang-Undang yang Terpakai atau bagi tujuan pencegahan atau pengesanan jenayah dan/atau penipuan;
 - ii. mana-mana pihak yang terlibat dalam prosiding undang-undang berkaitan Produk dan/atau Perkhidmatan yang disediakan di bawah Terma dan Syarat ini; atau
 - iii. mematuhi sebarang kewajipan undang-undang yang tertaluk kepada Touch 'n Go.

18. UNDANG-UNDANG YANG MENGAWAL DAN PENYELESAIAN PERTELINGKAHAN

- a. Undang-Undang yang Mengawal: Terma dan Syarat ini hendaklah dikawal dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia dan berada di bawah bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.
- b. Penyelesaian Pertelingkahan
 - i. Sekiranya terdapat sebarang isu atau pertikaian yang timbul di bawah Terma dan Syarat ini, anda hendaklah terlebih dahulu menghubungi Touch 'n Go melalui butiran hubungan yang dinyatakan dalam Klausula 15 (Komunikasi dan Cara Menghubungi Kami). Bergantung kepada tahap kerumitan isu atau pertikaian tersebut, Touch 'n Go hendaklah memberikan keputusan muktamad secara bertulis dalam tempoh dua puluh (20) Hari Perniagaan dari tarikh aduan anda diterima atau dalam tempoh lain sebagaimana yang mungkin ditetapkan oleh Pihak Berkuasa dari semasa ke semasa.
 - ii. Sekiranya anda tidak berpuas hati dengan hasil keputusan di bawah Klausula 18(b)(i) di atas, anda boleh merujuk perkara tersebut kepada:

Bank Negara Malaysia

BNMLINK

Tingkat 4,

Podium Bangunan AICB,

No. 10, Jalan Dato' Onn,

50480 Kuala Lumpur

Laman Web: <https://bnm.gov.my/contact-us/BNMLINK>

Financial Markets Ombudsman Service

(sebelum ini dikenali sebagai Ombudsman for Financial Services)

Tingkat 14, Blok Utama,

Menara Takaful Malaysia,

No.4, Jalan Sultan Sulaiman,

50000 Kuala Lumpur.

Talian Am: +603 22722811

Laman Web: www.fmos.org.my

- iii. Jika isu atau pertikaian tidak dapat diselesaikan menurut Klausula 18(b)(ii) di atas, perkara tersebut hendaklah dirujuk kepada bidang kuasa eksklusif mahkamah di Malaysia untuk penyelesaian muktamad.

19. TERMA DAN SYARAT TAMBAHAN YANG TERPAKAI BAGI PRODUK TERSUAI

Kami boleh, dari semasa ke semasa, mengeluarkan Produk Tersuai dengan kerjasama rakan niaga kami. Produk Tersuai tersebut juga akan tertakluk kepada terma dan syarat berasingan dan tambahan yang ditetapkan oleh rakan niaga berkenaan, jika ada.

20. PENYERAHAN DAN PEMINDAHAN

Anda tidak boleh menyerahkan atau memindahkan hak atau kewajiban anda dalam apa jua cara di bawah Terma dan Syarat ini tanpa kebenaran bertulis kami terlebih dahulu. Kami boleh menyerahkan Terma dan Syarat ini sama ada secara keseluruhan atau sebahagian kepada mana-mana pihak ketiga dengan memberikan notis bertulis sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari sebelum kepada kamu.

21. PENEPIAN

Sebarang kegagalan untuk melaksanakan dan/atau penangguhan dalam melaksanakan mana-mana hak, kuasa atau keistimewaan di bawah Terma dan Syarat ini tidak akan dianggap sebagai penepian, tidak juga mana-mana pelaksanaan tunggal atau sebahagian daripada perkara yang sama menghalang sebarang pelaksanaan lain atau selanjutnya. Semua hak dan remedi di bawah Perjanjian ini adalah bersifat terkumpul dan tambahan kepada hak dan remedi lain yang diperuntukkan oleh undang-undang.

22. KEBOLEHASINGAN

Sekiranya mana-mana peruntukan dibawah Terma dan Syarat ini didapati tidak sah, menyalahi undang-undang atau tidak boleh dikuatkuasakan di bawah mana-mana Undang-Undang yang Terpakai, ketidaksahan, menyalahi undang-undang atau tidak boleh dikuatkuasakan peruntukan-peruntukan selebihnya tidak akan terjejas. Touch 'n Go hendaklah menggantikan peruntukan yang tidak sah tersebut dengan peruntukan yang sah yang, sejauh mana yang mungkin, mencapai niat asal dan kesan ekonomi yang sama.

23. MASA ADALAH PENTING

Masa dimana sahaja dinyatakan hendaklah dianggap dan dilayan sebagai elemen penting dalam Terma dan Syarat ini.

24. PENGGANTI TERIKAT

Terma dan Syarat ini hendaklah mengikat pengganti dan penerima serah hak yang dibenarkan. Terma dan Syarat ini juga hendaklah mengikat dan memberi manfaat kepada pengganti hakmilik dan serah hak.

25. TERMA DAN SYARAT LAIN YANG TERPAKAI

Sekiranya mana-mana peruntukan di bawah Terma dan Syarat ini didapati tidak sah, menyalahi undang-undang atau tidak dapat dikuatkuasakan di bawah mana-mana Undang-Undang Terpakai, kesahan dan kebolehkkuatkuasaan peruntukan-peruntukan yang selebihnya tidak akan terjejas atau terganggu dalam apa-apa cara sekalipun, dan peruntukan yang tidak sah, menyalahi undang-undang atau tidak dapat dikuatkuasakan tersebut hendaklah dianggap telah dipadamkan.

26. BAHASA

Terma dan Syarat ini turut disediakan dalam Bahasa Malaysia. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan atau kesamaran antara versi Bahasa Inggeris dan versi Bahasa Malaysia, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai.

27. PERUBAHAN

- a. Kami berhak untuk meminda Terma dan Syarat ini dari semasa ke semasa. Kami akan memberikan Notis bertulis sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari sebelum pindaan tersebut berkuat kuasa. Notis tersebut akan diberikan melalui Laman Web Touch 'n Go dan/atau melalui mana-mana platform lain sebagaimana yang ditentukan oleh kami.
- b. Penggunaan berterusan anda terhadap Produk dan/atau Perkhidmatan berkaitan selepas tarikh kuat kuasa pindaan kepada Terma dan Syarat ini akan dianggap sebagai penerimaan tanpa syarat oleh anda terhadap pindaan tersebut. Sekiranya anda tidak bersetuju dengan pindaan tersebut, anda berhak untuk menamatkan penggunaan Produk dan/atau Perkhidmatan berkaitan tersebut. Kami tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang tuntutan, kerugian, ganti rugi, perbelanjaan atau kos yang timbul akibat daripada penggunaan berterusan anda terhadap Produk dan/atau Perkhidmatan berkaitan tersebut.